

PERSEPSI KOMUNITI SETEMPAT TERHADAP PENJENAMAAN KOTA BHARU SEBAGAI BANDAR RAYA ISLAM

Mohd Fadil Mohd Yusof

ABSTRAK

Negeri Kelantan terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan keunikan budaya, keenakan makanan tradisional dan keramahan para penduduknya. Kelantan adalah sebuah negeri yang agak konservatif dan terpinggir daripada segi pembangunan fizikal dan ekonominya. Namun begitu, Kelantan terkenal dengan jolokan Serambi Mekah iaitu kebanyakan masyarakatnya menitikberatkan pembudayaan agama Islam dalam amalan kehidupan harian. Antara strategi yang dirancang oleh kerajaan negeri bagi membangunkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang membangun bersama Islam ialah dengan menjadikan Kota Bharu sebagai bandaraya Islam. Justeru, berdasarkan kajian yang sedang dibuat (*research in progress*), kertas kerja ini menerangkan proses penjenamaan bandar Kota Bharu sebagai bandaraya Islam dan implikasinya daripada segi ekonomi dan sahsiah penduduk sekitarnya. Kertas kerja ini juga mengenal pasti faedah-faedah yang diperolehi oleh penduduk melalui proses penjenamaan ini dan kerajaan negeri daripada segi pembangunan ekonomi komuniti setempat terutamanya dalam membangunkan sektor pelancongan negeri. Ia turut melaporkan persepsi penduduk sekitar Kota Bharu mengenai konsep bandaraya Islam yang diketengahkan oleh kerajaan negeri daripada segi pemahaman dan kebaikan konsep bandaraya Islam terhadap komuniti. Kaedah kajian yang digunakan ialah temu bual mendalam semi berstruktur. Untuk kajian ini, penulis telah menemu bual penduduk di sekitar Kota Bahru dengan berpandukan beberapa soalan yang berkaitan. Hasil kajian setakat ini menunjukkan majoriti responden masih kurang jelas dengan konsep bandaraya Islam dan faedah-faedah yang diperolehi melalui proses penjenamaan ini.

Kata kunci: penjenamaan bandar, pelancongan, masyarakat bandar, Kelantan

En. Mohd Fadil Mohd Yusof ialah pensyarah kanan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan. E-mel beliau: fadil@umk.edu.my.

PENGENALAN

Negeri Kelantan terkenal dengan gelaran “Serambi Mekah” berdasarkan latar belakang perkembangan Islam yang direkodkan dalam lipatan sejarah (1181M) di bahagian Pantai Timur sebelum perkembangan Islam bermula di Melaka (Saad & Radi, 2009). Peranan Kelantan sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam semenjak akhir abad ke-19 telah memberi impak yang besar kepada masyarakat yang bermastautin di Kelantan dari segi pemahaman positif mereka terhadap Islam dan amalan yang berkaitan (Saad & Radi, 2009). Perkembangan Islam melalui pendidikan sekolah pondok yang diketuai oleh ulama-ulama terkenal seperti Tok Kenali telah menyemarakkan lagi gelaran “Serambi Mekah” terhadap Kelantan. Justeru, tidak hairanlah kehidupan sosial dan politik negeri ini lebih bertunjangan kepada konsep “Membangun Bersama Islam” dimana ianya ditadbir oleh kerajaan negeri yang dinaungi oleh parti PAS (Parti Islam Se-Malaysia) semenjak tahun 1990. Namun, kertas ini tidak akan membincangkan ideologi politik PAS dan juga corak pentadbiran kerajaan negeri bermula dari tahun 1990 sehingga sekarang. Sebaliknya, ianya memperkenalkan konsep Kota Bharu-Bandaraya Islam (KB-BRI) sebagai sebuah bandar yang memenuhi kehendak pimpinan kerajaan negeri yang diketuai oleh Menteri Besar Kelantan, Dato’ Haji Nik Aziz Nik Mat berdasarkan slogan “Membangun Bersama Islam”. Pada masa yang sama, kertas ini cuba mengetengahkan idea konsep penjenamaan bandar bagi merencanakan pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat setempat dari aspek pelancongan. Kertas ini menerangkan faedah-faedah yang akan diperolehi oleh penduduk setempat kesan daripada proses penjenamaan yang tersusun dan implikasinya kepada imej dan pemasaran sesebuah destinasi kepada masyarakat luar amnya.

Kertas ini adalah berdasarkan kajian awalan yang sedang berjalan (*work in progress*) mengenai pembangunan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam dalam aspek penjenamaan bandar dan impak proses penjenamaan ini mengikut persepsi penduduk setempat. Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

- Meninjau pemahaman mengenai konsep bandaraya Islam mengikut persepsi masyarakat setempat.
- Meninjau impak penjenamaan bandar kepada masyarakat setempat dari segi sikap dan kehidupan seharian penduduk.
- Mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan penjenamaan ini yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

PENJENAMAAN BANDAR

Penjenamaan bandar adalah konsep pemasaran baru yang diperkenalkan oleh pakar pemasaran bagi membantu mencipta atau merubah imej sesebuah destinasi berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Melalui proses penjenamaan ini, imej positif sesebuah destinasi ataupun tempat akan lebih terserlah di kalangan penduduk setempat dan masyarakat luar. Melalui kaedah penjenamaan bandar yang efektif, ianya mampu mengubah persekitaran sesebuah bandar atau destinasi kearah yang lebih kondusif bagi merencanakan pembangunan ekonomi dan sosial

penduduk. Pada masa yang sama, destinasi tersebut dapat menarik pelawat tempatan dan luar negara untuk melancong dan mendapatkan pengalaman berada di destinasi yang terkenal dengan imej yang ditonjolkan melalui proses penjenamaan ini. Namun, proses penjenamaan tempat adalah kompleks dan ianya tidak sama seperti proses penjenamaan produk seperti pakaian, kereta dan sebagainya. Sesebuah tempat, destinasi atau bandar mempunyai pelbagai dimensi dan entiti seperti perkhidmatan, sistem jaringan produk dan perkhidmatan yang pelbagai serta sikap dan budaya masyarakat yang akan mempengaruhi imej yang akan disampaikan.

Peranan imej sesebuah destinasi adalah penting bagi memberi mesej positif kepada masyarakat awam dalam aspek keselamatan, kestabilan politik dan ekonomi, pendidikan dan keunikan budaya masyarakat setempat (Moilannen dan Ranisto, 2009). Mengikut Moilannen dan Ranisto (2009), penjenamaan bandar ataupun tempat memberi faedah dan kepentingan aspek-aspek berikut kepada sesebuah destinasi:

- Mengalakkan aktiviti perniagaan dan pelaburan
- Mempromosikan aktiviti pelancongan dan diplomasi awam
- Membina identiti dan jati diri penduduk setempat.

Justeru, pihak-pihak yang berkepentingan perlu merangka strategi bagi mengurus tadbir sesebuah bandar dengan lebih berkesan bagi memberi keselesaan kepada penduduk setempat mahupun pelawat dari dalam dan luar negeri. Kebiasaannya, fungsi sesebuah bandar bukan sahaja sebagai sebagai tempat untuk membeli belah malah juga berperanan sebagai pusat pengangkutan awam, kewangan, pentadbiran awam dan sebagai daya tarikan pelancongan. Bandar yang mempunyai imej dan identiti yang tersendiri mampu menarik dan membuka peluang-peluang pelaburan dan perniagaan dan mengalakkan aktiviti-aktiviti pelancongan (Cassel, 2007). Berdasarkan literatur penjenamaan tempat (*place branding*), sesebuah bandar perlu dipromosikan dengan imej dan karakter yang tersendiri sebagai daya tarikan pelancongan. Imej tersebut bukan sahaja perlu disampaikan secara kreatif samada berbentuk logo atau simbol, poster-poster grafik yang disertakan tagline yang menarik, malah perlu mendapat sokongan yang menyeluruh daripada penduduk tempatan, kerajaan dan juga para pelabur (Lau & Leong, 2004).

PENJENAMAAN BANDAR KOTA BHARU SEBAGAI BANDARAYA ISLAM (KB-BRI)

Kota Bharu adalah pusat pemerintahan kerajaan negeri Kelantan yang mempunyai jumlah penduduk yang melebihi 300,000 orang dan mempunyai keluasan tanah 115.64 kilometer kaki persegi (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, 2012). Mengikut catatan sejarah, Bandar Kota Bharu adalah tempat kediaman Raja Kelantan dan diistiharkan oleh Sultan Muhammad kedua pada tahun 1844 sebagai pusat pemerintahan kerajaan negeri (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, 2012). Pada masa kini, bandar Kota Bharu berkembang dengan pesat sebagai pusat urus tadbir kerajaan negeri, pusat kewangan dan perniagaan, aktiviti kebudayaan dan pelancongan. Pada masa yang sama, Kota Bharu juga dikenali sebagai pusat percambahan ilmu keagamaan Islam melalui aktiviti-aktiviti berbentuk ceramah agama yang disampaikan oleh guru-guru agama yang bertauliah di masjid Muhammadi

dan masjid-masjid di sekitar Kota Bharu. Pada setiap hari Jumaat, ceramah agama disampaikan sendiri oleh YAB Menteri Besar yang dihadiri oleh kebanyakan masyarakat Melayu Kelantan dari pelbagai pelusuk daerah.

Pada tahun 1990, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah memenangi pilihanraya dan secara rasminya diberi mandat oleh rakyat Kelantan untuk mentadbir negeri di bawah kepimpinan YAB Tuan Guru Dato” Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Brosur Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, 2005). Beliau mencadangkan Kota Bharu sebagai bandaraya Islam bagi menerapkan dasar “Membangun Bersama Islam” yang akan dipraktiskan dalam aspek politik, pentadbiran ekonomi dan juga sosial di Kelantan. Persidangan bagi membincangkan falsafah dan konsep perancangan dan perbandaran Kota Bharu sebagai bandaraya Islam telah dilaksanakan pada tahun 2002 oleh pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan disusuli dengan pembentukan kertas kerja “Rancangan Pembentukan Kota Bharu Bandaraya Islam 2005” yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan (Brosur Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, 2005). Pada tahun 2005, majlis pengistiharan Majlis Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah dibuat secara rasminya oleh Sultan Yang DiPertuan Negeri Kelantan bagi menandakan Kota Bharu akan ditadbir urus mengikut falsafah dan konsep yang bersumberkan al-Quran dan Hadis.

Bagi membincangkan bagaimana penjenamaan Kota Bahru Bandaraya Islam dapat merubah imej dan persepsi masyarakat, maka konsep perbandaran Islam seperti mana yang dibangunkan oleh kerajaan negeri Kelantan akan diterangkan secara ringkas terlebih dahulu. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, dasar kerajaan negeri yang akan dilaksanakan adalah berpandukan slogan “Membangun Bersama Islam” di mana semua pentadbiran negeri termasuk MPKB mempraktiskan sistem pentadbiran secara Islam sepenuhnya. Secara ringkasnya, pembangunan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam adalah bertunjangkan kepada falsafah 5K seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1

Falsafah 5K Sebagai ciri-ciri Utama Kota Bharu Bandaraya Islam

Keilmuan	Kepentingan untuk mewujudkan masyarakat berilmu dengan mengadakan pelbagai aktiviti keilmuan yang memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan ilmu untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.
Kepatuhan	Kepentingan untuk mewujudkan sifat kepatuhan setiap individu dalam masyarakat terhadap undang-undang Islam bagi melahirkan masyarakat yang sensitif kepada nilai-nilai murni Islam.
Kebajikan	Mewujudkan konsep urus tadbir yang memberi penekanan kepada kebajikan masyarakat dalam aspek bantuan kemiskinan, perancangan dan kemudahan awam yang baik, keselesaan dan keselamatan penduduk.
Kebersihan	Memberi kesedaran kepada masyarakat kepentingan untuk

	mewujudkan persekitaran yang bersih dan indah dan seterusnya mengurangkan ancaman penyakit-penyakit yang berjangkit.
Kesejahteraan	Mewujudkan persekitaran yang selamat dan harmoni dan seterusnya melahirkan masyarakat yang prihatin terhadap keselamatan, memupuk semangat kejiwaan di kalangan sesama Islam dan masyarakat pelbagai agama dan budaya.

Sumber: Brosur Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (2005) dan Saad dan Radzi (2009)

Bagi mencapai matlamat pembangunan 5K ini, MPKB-BRI telah menyediakan beberapa garis panduan utama iaitu pengurusan dan pentadbiran adalah bertunjangkan syari'at Islam dan amalan tadbir urus adalah mengikut etika Islam yang berpandukan al Quran dan Hadis. Perancangan pembangunan KB-BRI adalah dibahagikan kepada dua fasa (Saad dan Radzi, 2009). Fasa pertama (2006-2010) adalah fasa pengenalan di mana ianya berbentuk pengenalan terhadap konsep Bandaraya Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Fasa pertama ini adalah amat mencabar kerana ianya perlu melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, kerjasama masyarakat setempat dan sokongan padu dari seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam. Fasa kedua (2011-2015) seterusnya adalah fasa pembangunan fizikal termasuklah kemudahan lalulintas yang lebih tersusun, mempelbagaikan kemudahan awam dan fasiliti untuk aktiviti pelancongan.

IMPLIKASI PENJENAMAAN KB-BRI TERHADAP PERKEMBANGAN PELANCONGAN ISLAM

Pelancongan Islam semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat Islam di peringkat tempatan mahupun global. Pada masa kini, dianggarkan satu setengah bilion penduduk dunia adalah beragama Islam dan ini meletakkan agama Islam sebagai salah satu agama yang menjadi pilihan utama penduduk dunia (Hamira dan Henderson, 2010). Pelancongan dalam Islam adalah digalakkan selagi ianya bertepatan dengan apa yang telah digariskan dalam al Quran dan hadis. Aktiviti pelancongan dalam Islam adalah bukanlah asing di kalangan umat Islam. Berdasarkan sumber al Quran dan Hadis, umat Islam digalakkan untuk mengembara melihat kehebatan alam ciptaan Allah dan pada masa yang sama merenung dan mempelajari kesan peninggalan sejarah masyarakat terdahulu. Ini dapat diperhatikan menerusi ayat-ayat tertentu seperti mana yang terkandung dalam ayat-ayat suci Al Quran (sebagai contohnya al-Imran (3:137), al-Ana'am (6:11), an-Naml (27:69), al-Mulk(67:15) (Mushaf Al Masar, 2010) . Menurut Din (1989), konsep pelancongan dalam Islam adalah bertujuan untuk mencapai ketenangan berbentuk fizikal, sosial dan kerohanian (spiritual). Dengan ada aktivitinya pelancongan, umat Islam dapat mengenali di antara satu sama lain dan merapatkan silaturrahim di kalangan penganut yang berlainan bangsa, bahasa dan budaya. Dalam konteks pelancongan, umat Islam juga diwajibkan untuk mencari produk-produk pelancongan halal yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu. Sepertimana yang digariskan oleh syarak, konsep halal lagi baik (halalan toyyiban) dalam Islam bukan sahaja terhad kepada makanan semata-mata malah merangkumi setiap aspek kehidupan.

Justeru, penjenamaan Kota Bharu sebagai bandaraya Islam adalah salah satu strategi untuk memperkenalkan produk pelancongan Islam yang akan menarik minat orang Islam untuk melancong dan pada masa yang sama menikmati aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan Islam. Dengan adanya garis panduan pelancongan yang disediakan oleh MPKB-BRI yang bertepatan dengan syarak maka adalah wajar semua pihak terutama masyarakat Islam memberi sokongan sepenuhnya.

PANDANGAN UMUM MASYARAKAT TERHADAP KONSEP KB-BRI

Bagi mendapatkan persepsi umum komuniti setempat terhadap penjenamaan KB-BRI, kaedah temubual mendalam digunakan. Penduduk-penduduk yang bermastautin dan bekerja di sekitar Kota Bharu adalah responden yang dipilih bagi menyiasat persepsi mereka terhadap konsep penjenamaan ini. Terdapat beberapa isu penting yang dikenalpasti yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam proses penjenamaan bandar. Diantara isu-isu pokok yang perlu dibincangkan oleh semua pihak adalah dari segi pemahaman masyarakat terhadap konsep KB-BRI ini. Beberapa responden masih lagi kurang jelas dari segi konsep yang ingin diketengahkan oleh kerajaan negeri. Salah seorang daripada responden yang ditemubual, responden pertama menyatakan,

KB-BRI adalah gimik politik semata-mata. Masih banyak kes-kes jenayah seperti kecurian berlaku di sekitar Kota Bharu dan keselamatan tidak terjamin. Pencemaran juga perlu ditangani dengan lebih efektif. Islam bukan sekadar aktiviti keagamaan semata-mata.

Pandangan responden pertama disokong oleh responden ketiga di mana beliau berpendapat Kota Bharu masih lagi tidak bercirikan bandaraya Islam dan penjenamaan ini adalah bersifat politik,

Kalau kita perhatikan golongan muda, mereka masih lagi menampilkan imej yang tidak menepati nilai-nilai Islam. Masih ada lagi yang berpakaian tidak menurut nilai-nilai Islam. Hanya Tok Guru (YB Menteri Besar) sahaja yang mahukan bandaraya Islam. Mungkin politik.

Responden ketiga pula menyatakan sesetengah penduduk Kota Bharu tidak menonjolkan imej masyarakat Islam yang bertepatan dengan konsep kepatuhan yang diterapkan oleh kerajaan negeri,

Gelagat dan sikap golongan muda dan penampilan mereka tidak menggambarkan ciri-ciri masyarakat yang bermastautin di Bandaraya Islam.

Namun begitu, responden ketiga bersetuju dengan konsep KB-BRI berdasarkan pengalaman beliau berada di Kelantan,

Kelantan dikenali ramai sebagai sebuah negeri mempunyai banyak sekolah pondok, masjid dan aktiviti keagamaan di kalangan orang-orang dewasa. Penghayatan puasa di bulan Ramadhan adalah lebih menyerlah di Kelantan.

Di antara isu-isu lain yang dinyatakan oleh responden adalah dalam aspek kebersihan bandar Kota Bharu yang perlu penambahbaikan dan keadaan jalan yang agak sempit yang menyebabkan kesesakan yang melampau.

Namun begitu, secara amnya, berdasarkan temubual dengan penduduk sekitar Kota Bharu, mereka masih lagi tidak jelas dengan aspirasi kerajaan negeri dalam konsep urus tadbir berdasarkan nilai-nilai Islam terutama dalam konteks KB-BRI. Justeru, pihak-pihak yang berkepentingan dalam proses penjenamaan KB-BRI perlu memberi penerangan dengan lebih jelas tentang konsep yang ingin diketengahkan kepada masyarakat. Pihak-pihak yang berwajib perlu menyatakan faedah-faedah yang akan diperolehi melalui proses penjenamaan ini kepada komuniti setempat bagi menjayakan kempen KB-BRI. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sokongan padu pelbagai masyarakat perlu bagi melaksanakan proses penjenamaan ini.

KESIMPULAN

Penjenamaan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam memberi implikasi penting kepada komuniti setempat dari segi pembangunan imej dan merubah persekitaran ekonomi dan sosial yang lebih kondusif dan kompetitif berdasarkan nilai dan falsafah Islam. Pada masa yang sama, perkembangan pesat pelancongan Islam pada masa kini seharusnya menjadi pemangkin kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penjenamaan ini untuk menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang menyokong kearah pelancongan Islam. Walaupun maklumbalas awal daripada komuniti menunjukkan bahawa mereka masih lagi kabur dengan konsep Bandaraya Islam ini, namun ianya bukanlah menjadi penghalang utama bagi kerajaan negeri untuk meneruskan pembangunan KB-BRI ke peringkat seterusnya. Sebaliknya, pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kempen penjenamaan ini perlu memikirkan dengan lebih terperinci kerangka kerja yang bersesuaian dengan mengambil kira komitmen masyarakat, sumber kewangan dan sebagainya bagi merealisasikan konsep KB-BRI ini.

RUJUKAN

- Cassel, S. H. (2007). Trying to be attractive: Image building and identity formation in small industrial municipalities in Sweden. *Place Branding and Public Diplomacy*, 4(2), 102-114.
- Brosur Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam. Kronologi, Falsafah dan Konsep, Ciri-ciri, Program dan Aktiviti Kota Bharu Bandaraya Islam 2005.
- Din, K. (1989). Islam and Tourism: Patterns, Issues and Options. *Annals of Tourism Research*, 16, 542-563.

- Hamira, Z.-F., & Henderson, J. C. (2010). Islamic Tourism and Managing Tourism Development in Islamic Societies: The Cases of Iran and Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*, 12, 79-89.
- Lau, F., & Leung, A. (2004). Design and city branding- From school to city. *Place Branding*, 1(3), 265-272.
- Mushaf Al –Masar, (2010). *Al-Quran Terjemahan dan Terjemahan Perkataan* (Cetakan Pertama ed.): Masar Enterprise.
- Moilanen, T., & Rainisto, S. (2009). *How to Brand Nations, Cities and Destinations: A Planning Book for Place Branding*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Portal Rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (2011). *Latar belakang Kota Bharu*. Retrieved 21st May, 2011, 2011, from <http://www.mpkbbri.gov.my/latarbelakangkb>
- Saad, S., & Radzi, M. M. (2009). Urus tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3), 8-25.